



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JMG			

### IGM saran lakukan kajian secara menyeluruh

**SHAH ALAM** - Institut Geologi Malaysia (IGM) menyarankan satu kajian bencana geologi secara menyeluruh, bebas dan dianggotai pelbagai bidang kepakaran diterajui oleh ahli geologi dapat dilakukan terhadap Gunung Jerai dan kawasan sekitarnya.

Presiden IGM, Abd Rasid Jaapar berkata, pihaknya berpendapat kajian potensi bahaya, kerapuhan dan risiko bencana berkaitan geologi perlu dilaksanakan terhadap semua kawasan produk pelancongan semula jadi termasuk geopark dan geotapak di seluruh negara.

"Kajian juga disyorkan bersifat *transdisciplinary* dalam memahami kesan perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana geologi di masa hadapan.

"Kajian sebegini masih belum lagi dilakukan secara terperinci dan memerlukan komitmen pelbagai pihak," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Abd Rasid berkata, sekiranya kejadian aliran serpihan itu berlaku semasa ke-

hadiran pengunjung atau pelancong yang ramai, ia akan lebih memburukkan keadaan.

"Ancaman risiko bencana geologi ini harus dipertingkatkan tahap kesedarannya dan difahami sebaiknya oleh masyarakat, malah ketika ancaman bencana berganda," katanya.

Menurutnya, peristiwa bencana geologi dan berkaitan geologi sepatutnya boleh dielakkan atau dikurangkan risikonya.

"Kajian terperinci dan pelan tindakan dibangunkan dengan mengarusperdanakan konsep pengurangan risiko bencana selari dengan amalan baik antarabangsa yang digariskan dalam 'Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030' oleh 'United Nations Office for Disaster Risk Reduction' (UNDRR)," jelasnya.

Abd Rasid menambah, pihaknya difahamkan satu pasukan penyiasat akan dihantar oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) ke tempat kajian untuk memantau dan membuat kajian awal.

